



**Minit Mesyuarat Agung**  
**Persatuan Jalur Selatan Radio Amatir Johor (JASRA)**  
**Kali Ke - 12**  
**Bertempat di Rumah Kelab Jasra Daerah Kluang,**  
**UJKR 449, Jalan Hospital, Kluang, Johor**  
**Pada 2 Februari 2019 (Sabtu), Jam 10.30 pg.**

---

### **Kehadiran**

1. 57 orang.

9W2HOZ, 9W2OXY, 9W2TYL, 9W2SNN, 9W2ENT, 9W2JJX, 9W2THM, 9W2USM, SWL ROZIAH, 9W2LBY, 9M2CCC, 9W2JCG, 9W2USC, 9W2GND, 9W2NPT, 9W2BLK, 9W2CLX, 9W2VPZ, 9W2SFF, 0W2DGA, 9W2FPT, 9W2ANV, 9W2KOM, 9W2YPV, 9W2HKE, 9W2LWY, 9W2CEI, 9W2RYN, 9W2ZWT, 9W2BTD, 9W2MAV, 9W2PBG, 9W2UMA, 9W2MPX, 9W2LYN, 9W2IJB, 9W2ZXT, 9W2JMD, 9W2ZSC, 9W2JBV, 9W2IAO, 9W2RXE, 9W2FMK, 9W2DES, 9W2YNZ, 9W2RLW, 9W2PRT, 9W2ZWC, 9W2CWC, SWL RIDZUAN, 9W2ZZO, 9W2KHE, 9W2MBJ, 9W2BJN, 9W2UXX, 9W2UQQ, 9W2JOC.

### **Majlis Pembukaan**

1. Mesyuarat dimulakan pada jam 11.00 pg dengan ucapan alu-aluan dari Presiden JASRA 9W2HOZ kepada ahli yang hadir. Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jasra Daerah Kluang, yang telah menyediakan tempat mesyuarat.
2. Korum mencukupi iaitu dengan kehadiran 57 orang.
3. Mesyuarat merakamkan takziah dan melafazkan " Al Fatihah" kepada ahli-ahli Jasra yang telah meninggal dunia.

### **Agenda Mesyuarat**

1. Pembentangan Minit Mesyuarat Agung kali Ke-11.
  - Minit telah di bentangkan oleh Setiausaha.
  - Cadang disahkan : 9W2LBY
  - Sokong : 9W2ZXT
2. Pembentangan Laporan Aktiviti sepanjang tahun 2018.
  - Laporan telah di bentangkan oleh Setiausaha.
  - Cadang disahkan : 9W2ANV
  - Sokong : 9W2DGA

### 3. Pembentangan Laporan Bendahari.

- Laporan telah di bentangkan oleh Bendahari.
- Cadang disahkan : 9W2GND
- Sokong : 9W2ZSC.

### 4. Pembentangan Usul – Usul ini telah di luluskan dalam Mesyuarat agung tapi TIDAK DILULUSKAN oleh Pendaftar Pertubuhan. Ianya perlu mendapat kelulusan semula bagi tujuan pemfailan semula.

- Mesyuarat bersetuju membuat pindaan kepada perlembagaan sebagaimana berikut:

#### 4.1 Fasal 4 - c. Ahli Bersekutu

##### i. Ahli Remaja / **Ahli SWL**

Keahlian adalah terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan kebawah dan bermastautin di negeri Johor serta mendapatkan kebenaran ibubapa atau penjaga

#### 4.2 Fasal 6 - c) Ahli Bersekutu:

##### i. Ahli Remaja / **Ahli SWL**

Bayaran Yuran Tahunan termasuk bayaran masuk untuk 1 tahun RM 30.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh sahaja).

#### 4.3 Fasal 6 (3) Ahli yang membiarkan hutangnya yuran sebanyak lebih daripada satu tahun dengan sendirinya **tidak mempunyai hak untuk bersuara, memegang jawatan dan mengundi didalam mesyuarat agung.** Jawatankuasa boleh mengambil tindakan yang sah terhadapnya dengan syarat mereka berpuas hati ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa mempunyai budi bicara untuk melanjutkan tempoh bayaran yang tertunggak berdasarkan sebab-sebab yang difikirkan munasabah

#### 4.4 Fasal 9 (4) . Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Persatuan mengikut undang-undang dan hendaklah dia menjalankan perintah mesyuarat agung dan jawatankuasa. Dia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat- menyurat, e-mel dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir diri ahli seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan , nama dan alamat majikan dan alamat rumah kediaman tiap-tiap ahli. Dia hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Dia

hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama Presiden dan bendahari. Setiausaha hendaklah dalam masa **60** hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan menghantar penyata Tahunan Persatuan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966.

## 5. Lain- lain hal

- Pengerusi maklum bahawa penyediaan kad keahlian “Life Member” akan di ambalilah oleh 9W2BPC dan 9W2LBY. Allahyarham 9W2JOH tidak dapat menyelesaikan tugas tersebut. Kad-kad yang lama dan telah pudar akan di ganti dengan kualiti yang lebih baik.
- Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada 9W2DES kerana memberi sumbangan meja dan kepada 9W2PBG kerana menguruskan penghantaran.
- 9W2BTD bertanyakan pasal status KOPERASI JASRA BERHAD. 9W2USM memaklumkan bahawa keahlian koperasi seramai 54 orang dan status adalah tidak aktif dan berstatus koperasi Asas. Semua maklumat juga telah di”update” di Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Pengerusi menerangkan bahawa pelaburan syer dalam koperasi tidak hilang dan bolih di pohon semula jika ahli hendak tarik diri. Beliau juga maklum Koperasi Jasra boleh memohon Lesen Kementerian Kewangan dan CIDB serta menceburi pelbagai perniagaan lain. Banyak bantuan dari pihak SKM jika koperasi aktif. 9W2USM akan mengaturkan Mesyuarat Agung Tahunan bagi Koperasi tersebut dalam masa terdekat.
- 9W2UMA mohon agar ada pertambahan syarat didalam perlembagaan untuk Ahli biasa di hadkan kepada pengiat radio amatir yang mempunyai lesen Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang sah sahaja. Pengerusi memaklumkan bahawa takrifan Ahli biasa dalam perlembagaan JASRA adalah terbuka kepada semua pengiat radio amatir dan jika lesen mereka telah tamat tempoh, mereka akan di kategorikan sebagai ahli SWL.
- 9W2UMA mohon agar menyusun semula struktur organisasi Biro-Biro, agar di pimpin oleh AJK Induk. Pengerusi memaklumkan kebanyakan Pengerusi Biro sekarang adalah terdiri dari AJK, yangmana nama mereka dicatat dihadapan barisan penama-penama dalam biro. Walaubagaimanapun, teguran akan diambil tindakan selanjutnya.
- 9W2VPZ bertanya pasal PENDAFTARAN ONLINE. Pengerusi maklum bahawa sistem masih mempunyai masalah teknikal yang perlu diperbaiki. Perkara ini akan di tangani oleh 9W2FRP dan di bantu oleh 9W2USM
- 9W2USM memaklumkan bahawa beliau telah mewakili JASRA dalam Team TASKFORCE SKMM, bagi menangani masalah kemerosotan minat masyarakat dalam RAE. SKMM akan mengadakan Simposium Radio Amatir pada 20 April 2019 di Hotel Marriot, PutraJaya. Pengerusi mohon ahli-ahli JASRA menyokong hadir dalam program tersebut.

- Pengerusi memaklumkan bahawa pengurusan MARL pada ketika ini tidak berfungsi dengan baik. Sejak Mesyuarat Agung yang lepas, TIADA lagi mesyuarat AJK yang diadakan. Mesyuarat bersetuju untuk menghantar surat dan meminta supaya satu EGM diadakan dengan agenda pemilihan semula AJK.
- Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada 9W2USC dan 9W2RLW diatas bantuan mereka untuk memohon perbaharuan AA yang masih tertunggak.
- 9W2USC maklumkan bahawa pihak Bomba Negeri Johor ingin mengadakan kerjasama dengan JASRA selepas operasi menyelamatkan di Pulau Tioman pada baru ini, dimana beliau telah membantu operasi tersebut dengan menggunakan peralatan yang ada. Beliau memaklumkan pihak Bomba berhasrat untuk melatih seramai 10 orang bagi membantu didalam komunikasi kecemasan. 9W2JOC akan menguruskan perkara ini.
- 9W2USC juga mohon agar aset Jasra di simpan di lokasi yang senang untuk di ambil apabila diperlukan dalam kecemasan. Pengerusi memaklumkan bahawa Pemegang Amanah Jasra adalah 9W2UDD, 9W2GMI dan 9W2RLW. Aset JASRA akan di rekodkan oleh 9W2JMD.
- 9W2USC juga mohon sebuah kontena dan juga sedang mencari Kuaters Rumah Kerajaan yang kosong dan sesuai untuk dijadikan ClubHouse Jasra Daerah Kota Tinggi. Beliau juga mohon callsign bagi Clubhouse tersebut. Pengerusi memaklumkan bahawa kontena adalah tergantung kepada keupayaan kewangan Jasra.
- 9W2USC juga maklum bahawa Program Amal Ramadhan 2019 Daerah Kota Tinggi akan dilaksanakan di Sungai Tiram. Ahli-ahli yang ingin menyumbang dan menyertai program adalah di alu-alukan.
- Mesyuarat setuju agar 9W2DES menjadi Pengerusi Perhubungan JASRA Daerah Kota Tinggi dan dibantu oleh 9W2YNZ.
- 9W2VPZ bertanya pasal sistem RIOP yang sekarang, iaitu TS3, banyak menyukarkan pengguna lain. Pengerusi memaklumkan bahawa sistem RIOP ini adalah sama seperti ECHOLINK, namun meminta 9W2USM untuk menyemak samada ianya mempunyai lesen seperti Echolink. TS3, merupakan sistem sementara dalam ujian yang dibangunkan oleh pihak MARS (persatuan yg sedang didaftarkan di ROS). Pengerusi memaklumkan bagi mengelakkan gangguan kepada pengguna lain, ianya perlu diberi RUANG KHAS apabila 2M Net dijalankan. Mesyuarat bersetuju untuk TS3, dilink kepada 9M4RLD hanya pada ketika 2M Net dan cadangkan ianya di link ke 9M4RJB dwaktu biasa. Mesyuarat juga memberi mandat kepada Pengerusi dan 9W2USM untuk menyelesaikan perkara ini.
- 9W2USC menjemput semua ahli untuk satu eyeball di rumah kediaman 9W2DES pada 15hb Feb. 2019.

- 9W2JJX mohon agar Pengerusi Perhubungan JASRA Daerah Muar & Tangkak di serahkan kepada 9M2ESM.
- 9W2USM mohon ahli-ahli yang dapat bantu membuat Profail JASRA agar ianya nampak lebih professional.
- 9W2GND mohon agar satu salinan AA yang asli, di letakkan di Repeater. AA 9M4RLD tiada dilekatkan. Pengerusi akan mohon salinan AA 9M4RLD

6. Mesyuarat ditangguhkan jam 1.05 tengahari

Disediakan oleh :

Disahkan oleh :

---

Setiausaha JASRA  
Faridah Binti Bahrom (9W2OXY)

---

Presiden JASRA  
Abd Lah @ Abdullah bin Hj Awang  
(9W2HOZ)